

Nube buat laporan polis terhadap Dr Fong

KUALA LUMPUR: Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank (Nube) membuat laporan polis terhadap Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Om semalam kerana didakwa mengugut dan membuat kenyataan berunsur fitnah yang melanggar peruntukan seksyen 40 Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Setiausaha Agung Nube, J Solomon, berkata kenyataan Fong yang disiarkan *Berita Minggu* kelmarin juga melanggar Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan mengenai kebebasan berserikat dan perhimpunan.

"Beliau (Fong) cuai dan tidak bertanggungjawab apabila mengeluarkan kenyataan kononnya polis boleh

mengambil tindakan terhadap sesiapa yang mengadakan piket kerana perhimpunan itu menyalahi undang-undang.

"Ugutan seumpama itu juga adalah kesalahan jenayah yang boleh dih-

FAKTA NOMBOR

Tuntutan Nube

30 peratus

Tuntutan kenaikan gaji

2 bulan

Bonus

kun seperti diperuntukkan mengikut Seksyen 39 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dengan penjarajanaan setahun atau denda. Laporan polis dibuat untuk membolehkan hak polis memulakan penyiasatan serta mengambil tindakan sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Berita Minggu kelmarin melaporkan Fong berkata, ahli Nube tidak boleh mengadakan piket berhubung tuntutan kenaikan gaji, bonus dan pemberian elaun sara hidup (Cola) kerana tindakan itu menyalahi undang-undang berhubung tuntutan berikutan kenaikan gaji kepada Mahkamah Perusahaan.

Solomon berkata, mengikut Akta Buruh tiada sebarang peruntukan

yang melarang ahli kesatuan daripada mengadakan piket meskipun kes tuntutan sudah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.

Beliau berkata, kenyataan menteri berkenaan sebagai fitnah kerana mengambarkan Nube sebagai kesatuan yang tidak bertanggungjawab serta menggalakkan tindakan haram di kalangan ahlinya.

"Tindakan beliau (Fong) yang terlahu cepat merujuk perkara ini tanpa sebarang mesyuarat damai antara kedua belah pihak menimbulkan perasaan curiga kerana kebijaksanaan mengambil masa dua hingga tiga tahun untuk merujuk sebarang kes pertikaian perusahaan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan dan Mahkamah Perusahaan," katanya.